

KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF

(KIK) AADK 2018

KUMPULAN ILTIZAM



KANDUNGAN

1. PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN
2. SIGNIFIKAN PROJEK
3. TINDAKAN PENYELESAIAN DAN PEMBUKTIAN
4. KEBERHASILAN PROJEK
5. POTENSI PENGEMBANGAN

Panel Pameran :

One Bag Panel

AGANSI ANTIDADAH KEBANGSAAN NEGERI KELANTAN

1. PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN

PENGENALAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Ilahi akhirnya Kumpulan Itizam telah berjaya melaksanakan Projek KIK bagi tahun 2018. Adalah diharapkan agar projek yang dilaksanakan ini akan memberikan kesan yang baik kepada Agensi Antidadah Kebangsaan. Projek ini juga boleh di lihat berpotensi di seragamkan ke seluruh negeri dan daerah dalam Malaysia.

Hasil cetusan idea kumpulan Itizam telah memutuskan untuk mencari suatu inovasi yang boleh menghasilkan impak yang besar bagi meningkatkan lagi kualiti dan mutu perkhidmatan dalam AADK. Hasil inovasi ini mestilah bertepatan dengan transformasi perkhidmatan yang ditawarkan kepada golongan sasaran. Sekaligus dapat membantu menangani kekangan sumber kewangan jabatan.

Sehubungan itu, Kumpulan Itizam merakamkan ucapan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Kelantan yang telah meluluskan serta memberi sokongan penuh dari segi peruntukan kewangan, tenaga, idea, logistik dan pelepasan waktu bertugas bagi menjayakan projek ini. Kumpulan Itizam juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam pelaksanaan projek ini.

ISU DAN PERMASALAHAN

Idea ini tercetus hasil daripada pengalaman dan rungutan kakitangan AADK Daerah yang terlibat dalam pengedaran panel pameran. Isu yang diketengahkan berkaitan dengan pengendalian panel pameran dan bilangan panel yang tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan yang tinggi daripada kumpulan sasar sekaligus memberi kesan kepada perkhidmatan AADK.

Antara isu-isu yang berkaitan adalah :

- Jumlah panel pameran yang dibekalkan tidak mencukupi – Tidak dapat memenuhi permintaan masyarakat apabila terdapat pertindihan tarikh
- Kandungan panel pameran tidak bertepatan dan tidak jelas kepada kumpulan sasar – tiada pengkhususan untuk setiap kumpulan sasar (sekolah, komuniti, tempat kerja dan lain-lain)
- Kos yang tinggi dan kekangan daripada sumber kewangan menyebabkan penghasilan panel pameran menjadi terhad.
- Panel yang sediaada bersaiz besar dan tidak dibawa oleh kenderaan biasa.
- Panel pameran yang berat sukar dikendalikan oleh kakitangan wanita

Jumlah Kakitangan AADK Malaysia
Lelaki : 4329 Orang
Perempuan : 1497 Orang
Jumlah : 5826 Orang

SOKONGAN PENGURUSAN



	ايجنسي انتيداده كيان نكري كلنتن AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN NEGERI KELANTAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI TINGKAT 1 & 8, MENARA PERBADANAN, JALAN TENGKU PETRA SEMERAK, 15000 KOTA BHARU.	
		Pengarah : 09-7414701 Am : 09-7414700 Fax : 09-7483666
	Rujukan : AADK.ND.40/1/31 Jld.3 Tarikh : 26 FEB 2018	
SYAHRIR BIN JUSOH Ketua Kumpulan KIK IL TIZAM Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Kelantan		
Tuan, <u>KELULUSAN MELAKSANAKAN PROJEK KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) IL TIZAM</u> Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas. 2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak pengurusan AADK Negeri Kelantan telah bersetuju dengan cadangan pihak tuan dalam projek KIK. Sehubungan dengan itu, pihak tuan diberi kelulusan untuk melaksanakan Projek KIK tersebut. 3. Semoga tuan dapat melaksanakan Projek KIK tersebut dengan jayanya. Sekian. "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA" "KHIDMAT TANPA RASUAH" Saya yang menurut perintah,  (ROHAYU BINTI AHMAD) Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Kelantan s.k. Fail MEMBAKMI DADAH ADALAH TUGAS KITA BERSAMA MAKLAH BERTINDAK SAMA ERADICATING DRUG ABUSE IS OUR COLLECTIVE RESPONSIBILITY LET'S ACT NOW		

Sokongan Pengurusan

Pihak pengurusan telah sedia maklum tentang kekangan yang dihadapi dari segi sumber kewangan, kekurangan kakitangan, peralatan dan mengarahkan supaya isu ini diberi perhatian agar usaha-usaha dalam penyampaian program pencegahan dadah dapat dipertingkatkan supaya ianya dapat memberi impak yang berkesan pada masyarakat.

Data :

- Surat sokongan pengurusan tertinggi

2. SIGNIFIKAN PROJEK



SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK

A) RASIONAL PEMILIHAN PROJEK DAN FUNGSI UTAMA JABATAN

Pemilihan tajuk projek iaitu Panel Pameran adalah bertepatan dan bersesuaian dengan fungsi utama Agensi Antidadah Kebangsaan iaitu :



B) MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN DAN STAKEHOLDER

Pencegahan merupakan strategi jangka panjang yang bertujuan untuk melindungi seseorang dari terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Justeru, projek inovasi yang dijalankan ini adalah memenuhi kehendak pelanggan dan *stakeholder* iaitu masyarakat, *klien*, kakitangan dan pihak pengurusan.

- ✓ Meningkatkan kesedaran mengenai isu dadah
- ✓ Memperkasakan Pendidikan Pencegahan Dadah
- ✓ Mendedayakan peranan Rakan Strategik, Rakan Pintar dan NGO's



SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK

C) KAITAN DENGAN AGENDA NASIONAL

Projek KIK ini adalah seiring dengan konsep perkhidmatan awam dalam memastikan perkhidmatan pendidikan pencegahan dadah menepati kehendak rakyat dan dasar-dasar utama peringkat nasional iaitu :

- ❖ **Dasar Sosial Negara (DSN)** adalah satu dasar pembangunan sosial yang berteraskan nilai-nilai murni dan peningkatan keupayaan insan bagi mencapai kesepaduan dan kestabilan sosial, ketahanan nasional dan kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia yang maju dan mantap.
- ❖ Penghayatan konsep **Cepat, Tepat, Integriti (CTI) dan Productivity, Creativity dan Innovation (PCI)** ini, warga penjawat awam dapat menyampaikan perkhidmatan yang berprestasi tinggi dan melangkaui ekspektasi (jangkaan) rakyat.
- ❖ Dirangka demi memastikan pengurangan jenayah dapat direalisasikan sejajar dengan matlamat negara dalam mengejar status negara maju.
- ❖ Pengukuhan komitmen Kerajaan untuk mencapai pertumbuhan bermatlamatkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat (**RMK-11**).
- ❖ Sasaran untuk menjadi antara negara teratas di tangga dunia dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi.
- ❖ Berkolaborasi strategik dipacu dasar baharu yang akan diperkenalkan oleh kerajaan.

RMK11 Akan Mentransformasi
Perkhidmatan Awam Untuk Produktiviti

- Bertumpukan rakyat
- **PRODUKTIVITI DAN KECEKAPAN**
- Kerajaan digital



SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK

D) KAITAN DENGAN KEADAAN DAN EKOSISTEM SEMASA

Dewasa ini gejala penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat semakin serius. Justeru penambahbaikan yang dilakukan pada projek inovasi ini adalah memenuhi permintaan dan memberi penekanan kepada keperluan semasa dari segi aspek penyampaian perkhidmatan dalam pendidikan pencegahan dadah. Masyarakat sekarang lebih dekat dan berminat dengan hebahan yang berkonsepkan gabungan secara visual dan lebih menjimatkan kos operasi, sumber manusia dan secara berhadapan (terus).





SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK

E) PEMBUKTIAN MELALUI ANALISIS

SEBELUM

SEMASA

SELEPAS

HASIL

SEBELUM

- Kos menyediakan alat pameran sedia ada tinggi.
- Perbezaan kos di antara Panel Pameran A, B dan C
- Kos penyelenggaraan (alat ganti) tinggi.
- Saiz besar dan susah dikendali

SEMASA

- Menyediakan panel pameran yang lebih menjimatkan kos dan secara tidak langsung dalam kuantiti yang lebih banyak.
- Penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien dan efektif

SELEPAS

- Memenuhi keperluan kumpulan sasaran dan meningkatkan kualiti dalam menyampaikan mesej pendidikan pencegahan dadah.

HASIL

- Penjimatan harga yang tinggi berbanding dengan set pameran sedia ada
- Boleh memperbanyakkan (mengkomersialkan) Set Panel Pameran untuk kegunaan di pejabat Daerah

IMPLIKASI KOS YANG TERLIBAT

Pecahan kos dalam pembelian 1 SET panel pameran yang baru adalah :

Kerangka (4 Unit) = RM 320

Benner(4 keping) = RM 300

Beg (1 unit) = RM 150

JUMLAH = RM 770

PENGURUSAN KOS

BIL	PERKARA	KOS	PENJIMATAN HARGA BERBANDING DENGAN ONE BAG PANEL (OBP)	PERATUS PENJIMATAN
1	Panel Pameran A	RM 4,800	RM 4,030	623%
2	Panel Pameran B	RM 3,040	RM 2,270	395%
3	Panel OBP	RM 770	-	-



Sungguh Jimat !!

PENGURUSAN KOS

BIL	PERKARA	PANEL	KOS	PENJIMATAN HARGA BERBANDING DENGAN ONE BAG PANEL (OBP)	PERATUS PENJIMATAN
1	Panel Pameran A		RM 4,800	RM 4,030	623%
2	Panel Pameran B		RM 3,040	RM 2,270	395%
3	Panel OBP		RM 770	-	-

Saiz paparan panel pameran

Panel Pameran A



One Bag Panel




Panel Pameran B




3. TINDAKAN PENYELESAIAN DAN PEMBUKTIAN



A. CADANGAN PENYELESAIAN



EMPATHIZE (4M1E)





DEFINE [5W2H]

D E F I N E

WHAT

APA YANG DISASARKAN?

Meningkatkan bilangan pengunjung dan tahap kefahaman petugas serta pengunjung dalam menyampaikan dan menerima informasi pendidikan pencegahan dadah

WHEN

BILA BERLAKU?

Digunapakai semasa aktiviti pameran dijalankan

WHO

SIAPA YANG DISASARKAN?

Petugas dan pengunjung

WHERE

DI MANA DISASARKAN?

AADK Negeri Kelantan

WHY

KENAPA DISASARKAN?

Mempertingkatkan kefahaman penyampaian informasi , penjimatan masa dan kos serta menyokong kepada dasar-dasar kerajaan

HOW

BAGAIMANA PENYELESAIAN?

Merekacipta panel pameran yang lebih efektif dan cekap

HOW MUCH

APA YANG BOLEH DIJIMATKAN?

Menjimatkan masa pengendalian, tenaga kerja dan kos operasi

IDEATE [SCAMPER]

IDEATE

IDEATE		
S	Substitute	Menggantikan bahan yang lebih ringan dan mudah dikendalikan
C	Combine	Konsep alat bahan pameran sedia ada digabungkan ke dalam produk baru
A	Adapt	Adaptasi dari alat pameran informasi sedia ada
M	Modify	Menghasilkan reka bentuk yang lebih efisien dan kreatif
P	Put to another use	Dijadikan bahan untuk pameran dan sebagai rujukan kumpulan sasar
E	Eliminate	Memansuhkan bahan pameran yang tidak seragam
R	Reverse / Rearrange	Menyeragamkan semula maklumat bahan pameran secara teratur

PROTOTYPE

PENJELASAN IDEA PENYELESAIAN

- Menggunakan material yang lebih ringan untuk memudahkan petugas lelaki dan wanita mengendalikan pameran (meminimumkan guna tenaga kakitangan)
- Kos yang menjimatkan
- Menyeragamkan maklumat berdasarkan kehendak kumpulan sasar
- Menyediakan panel pameran yang lebih jelas dan efektif
- Penyelarasan saiz dan reka bentuk yang lebih fleksibel
- OBP – Konsep One Bag Panel


PROTOTYPE – OBP



Ilustrasi

SPESIFIKASI

- Rod besi "hollow" 175cm 16 batang
- 20 PP "connector"
- 1 banner kanvas





B) PELAN TINDAKAN PENYELESAIAN



C) PELAKSANAAN TINDAKAN PENYELESAIAN

Ekoran daripada pemilihan perancangan projek yang telah dipersetujui, kami telah membuat satu pembentukan idea bagi mencapai sasaran objektif utama merangkumi penjimatan kos lebih efektif, pemilihan material yang lebih mesra pengguna dan reka bentuk yang fleksibel.

Kemudian satu prototaip telah dirangka dan dibina mengikut spesifikasi yang telah direncanakan. Seterusnya proses pemasangan bunting (maklumat) dilakukan ke atas kerangka.

Satu kaji selidik telah dijalankan ke atas petugas pameran daerah dan hasil daripada kaji selidik tersebut telah berjaya membuktikan bahawa petugas pameran berpuas hati dalam pengendalian pameran yang baru.

D. PERAKUAN DARIPADA PIHAK BERTAULIAH

Hasil daripada maklumbalas kaji selidik yang memberangsangkan, pihak AADK Negeri Kelantan telah meluluskan penghasilan panel pameran yang baru bagi penambahan panel pameran yang sedia ada mengikut peruntukan kewangan yang ada.

4. KEBERHASILAN PROJEK

OUTCOME PROJEK

A) KESAN JANGKA PENDEK

Panel pameran yang dihasilkan ini adalah bertepatan dengan penyebaran maklumat seiring dengan kehendak semasa mengikut keseragaman kumpulan sasar melalui pendidikan pencegahan dadah.

Berlaku penjimatan kos operasi, tenaga kerja kepada petugas dan juga masa. Ia juga meningkatkan imej jabatan kerana memenuhi keperluan semasa dalam aspek penyampaian perkhidmatan.

B) NILAI TAMBAH (VALUE ADDED)

- Pengembangan projek menerusi replikasi & pengkomersialan
- Memperluaskan panel pameran ke sektor awam.
- Memperkenalkan panel pameran ke agensi lain.
- Memenuhi konsep kehendak kerajaan terkini.
- Penyeragaman maklumat pada panel pameran boleh diselia dan dipantau di peringkat negeri dari semasa ke semasa.
- Membudayakan peruntukan kewangan yang minimum dalam penyediaan projek inovasi yang akan datang. Penambahan panel pameran untuk kegunaan program pendidikan dadah di daerah.
- Meminimumkan perbelanjaan dan mengurangkan pembaziran.
- Pemilihan dan penggunaan kaedah serta teknik yang lebih fleksibel mengikut konteks pelaksanaan projek KIK.



KUALITI

Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan pencegahan dadah

PENYAMPAIAN

Menghasilkan informasi yang tepat dan seragam serta mesra pelanggan

MORAL

Meningkatkan moral petugas dan keseronokan bekerja

PRODUKTIVITI

Menghasilkan produktiviti yang berkualiti tinggi

JIMAT

Penjimatan kos bahan, tenaga dan penyelenggaraan (alat ganti)

KESELAMATAN

Rekabentuk yang efisien dan selamat digunakan



ANALISIS KAJI SELIDIK YANG DIJALANKAN

Hasil kajian soal selidik jangka pendek yang telah dijalankan ke atas 50 orang responden kakitangan AADK Daerah.

BIL	PENYATAAN MASALAH	BILANGAN RESPONDEN				
		SANGAT MEMUASKAN	MEMUASKAN	TIDAK PASTI	TIDAK MEMUASKAN	SANGAT TIDAK MEMUASKAN
1	Panel pameran mudah dikendalikan	3	45	2	-	-
2	Panel pameran menepati kumpulan sasar	0	48	2	-	-
3	Mesej dan maklumat menepati sasaran	28	22	-	-	-
4	Penyeragaman data/maklumat untuk kumpulan sasar	5	43	2	-	-
5	Pemasangan yang mudah	3	47	-	-	-
6	Mudah dibawa oleh petugas	11	39	-	-	-
7	Panel pameran fleksibel dan praktikal	8	41	1	-	-
8	Menjimatkan masa dan tenaga	5	40	5	-	-
9	Kepentingan jabatan	4	43	3	-	-
10	Penyimpanan panel pameran yang mudah	47	3	-	-	-

* hampir keseluruhan responden bersetuju OBP lebih efektif, efisien dan mesra pengguna.



IMPAK PROJEK (LUAR JANGKA) DAN PEMBUKTIAN

KESAN JANGKA PANJANG

- Peningkatan mutu penyampaian yang seragam melalui pendidikan pencegahan dadah
- Penghasilan produk yang berkualiti dan kos yang efektif untuk kegunaan masyarakat dalam dan luar negara
- Peningkatan produktiviti negara dengan pengurangan penglibatan dadah dikalangan masyarakat
- Peningkatan kesejahteraan hidup rakyat
- Peningkatan ekonomi negara
- Peningkatan daya inovasi dalam sektor awam
- Pengurangan statistik dadah di kalangan belia
- Potensi berguna kepada jabatan lain (satu produk pelbagai guna untuk pelbagai jabatan)

IMPAK PROJEK (HASIL LUAR JANGKA)




IMPAK PENGURUSAN PANEL PAMERAN

- Penggunaan material yang ringan, murah dan mudah didapati
- Mudah diganti dan dibaik pulih
- Boleh dikendalikan oleh semua kakitangan dan tidak terikat kepada kakitangan lelaki sahaja.



Carta Bar Uji Cuba OBP



Berdasarkan analisa carta bar, seramai 50 orang responden yang telah diambil data. Sebanyak 90% bersetuju kos panel pameran OBP lebih menjimatkan berbanding yang sedia ada. Sebanyak 90% bersetuju jumlah tenaga kerja yang digunakan untuk pemasangan panel pameran OBP kurang berbanding yang sedia ada. Sebanyak 88% bersetuju penyeragaman maklumat kepada kumpulan sasar lebih baik dengan panel pameran OBP. Sebanyak 98% bersetuju panel pameran OBP lebih ringan berbanding yang sedia ada.

5. POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK

TAHAP KETERSEDIAAN PANEL PAMERAN



Tahap ketersediaan One Bag Panel. Dari segi teknologi, projek ini boleh dikembangkan dengan menambah paparan skrin digital dan juga sistem audio untuk menarik lebih ramai pengunjung.

TAHAP REPLIKASI/PENGGOMERSIALAN (ROI) – PENYERAGAMAN DAN PEMANTAUAN



OBP adalah satu projek yang telah dilaksanakan mensasarkan kepada penjimatan kos dan penjimatan sumber tenaga (kakitangan) serta proses pengendalian semasa penyaluran atau penghebahan maklumat pendidikan pencegahan dadah kepada kumpulan sasar atau 'stakeholder'.



Projek ini dilihat dapat dikomersialkan bukan sahaja dalam satu agensi malah dapat disebar kepada jabatan lain kerana ia lebih menjimatkan dan mampu milik.



Ianya memberi faedah kepada jabatan dalam membuat penyeragaman dan pemantauan maklumat secara menyeluruh.